



KELAS yang diadakan sebulan sekali memberi banyak manfaat khususnya kepada mereka yang bekerja.

# AeU tingkat kompetensi guru-guru prasekolah

**KERJAYA** sebagai pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak kini semakin diminati ramai. Bagaimanapun, peratusan guru bertauliah yang mengajar di prasekolah masih terlalu rendah.

Melihat kepada keperluan itu, Asia e Universiti (AeU) tampil menawarkan Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak kepada guru dan pendidik yang berkecimpung dalam bidang tersebut.

Di AeU, corak pembelajarannya amat fleksibel. Ia mengaplikasikan mod Pembelajaran Teradun menerusi tiga metodologi yang mampu memberikan impak efektif iaitu Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Langsung Dalam Talian dan Pengajian Bersemuka.

Guru prasekolah yang mengikuti program itu juga boleh mengakses dan memuat naik bahan pembelajaran lebih awal pada bila-bila masa di mana sahaja menerusi laman web khas, *Private Learning Space (PLS)*.

Menurut Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif AeU, Prof. Dr. John Arul Philips, sebenarnya masih belum terlambat untuk guru prasekolah menyambung pengajian walaupun tidak mempunyai diploma dalam bidang pendidikan.

Beliau berkata, mereka yang berminat boleh memohon melalui Sistem Kemasukan Terbuka (*Open Entry System*) dengan syarat memiliki sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat.

"Usaha yang dilakukan ini selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

"Tiada wujud sebarang masalah berhubung dengan pengurusan masa kerana kelas ditetapkan hanya sekali dalam sebulan dan dijalankan di setiap negeri di seluruh Malaysia," katanya.

Tambah beliau, bagi guru yang memiliki diploma yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mahupun institusi pengajian tinggi awam atau swasta (IPTA/IPTS), mereka mempunyai peluang untuk memendekkan tempoh pengajian melalui pemindahan kredit bagi subjek yang relevan sehingga maksimum 30 peratus daripada nilai kredit keseluruhan. Ini bermakna, para guru dapat mengurangkan tempoh pengajian sehingga satu tahun berdasarkan pengambilan tiga subjek bagi setiap semester.

Lokasi pusat pembelajaran AeU juga cukup banyak dan berada di seluruh negara. Dengan pertambahan lapan buah sekolah pengajian di kampus utamanya, AeU kini telah membuka 23 pusat pembelajaran di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar seperti di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Guru atau mereka yang berminat mengikuti program itu di AeU boleh memohon untuk mendapatkan pinjaman pembiayaan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau membuat bayaran melalui pemotongan tabungan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bukan itu sahaja, para pelajar juga boleh membuat tuntutan dana latihan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) yang ditadbir oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

## INFO

MAKLUMAT lanjut sila layari [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my) atau hubungi talian bebas tol 1 300 300 238.